

Tasik Kenyir diisytihar sebagai Geopark

KUALA TERENGGANU: Terengganu melakar satu lagi sejarah baharu dalam industri pelancongan apabila Tasik Kenyir mendapat perakuan dan diisytihar sebagai Geopark Kebangsaan dengan nama Kenyir Geopark.

Pengerusi Jawatankuasa pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Digital negeri, Ariffin Deraman berkata, keputusan itu telah diumumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Geopark Kebangsaan yang berlangsung di Putrajaya, semalam.

Menurutnya, mesyuarat itu dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Abdul Wahid Abu Salim.

“Menerusi mesyuarat tersebut, Jawatankuasa Pelaksana Geopark Kebangsaan telah membentangkan hasil penilaian yang telah dijalankan pada 7 hingga 11 Mac lalu di sekitar di Daerah Hulu Terengganu.

“Pihak jawatankuasa pelaksana memaklumkan bahawa

permohonan Kerajaan Negeri Terengganu untuk menjadikan kawasan berkenaan sebagai salah satu Geopark bertaraf kebangsaan telah memenuhi kriteria untuk diperakukan sebagai Geopark Kebangsaan.

“Pengisytiharan itu merupakan pencapaian terbaik kerajaan negeri yang telah lama berhasrat menjadikan Kenyir sebagai tapak taman geo malah selari dengan hasrat yang terkandung dalam Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS 2030) di bawah teras strategik enam, Pendigitalan Terengganu dan Pemantapan Pelancongan,” katanya.

Kawasan Geopark Kenyir berkeluasan 244,900 hektar (ha) merangkumi kawasan Tasik Kenyir seluas 26,000 ha, 340 buah pulau dan 15 kawasan geo tapak. Ia termasuk penemuan fosil kesan tapak kaki dinosaur, batu kapur Bukit Bewah dan menara Gunung Gagau.

Selain itu, terdapat 11 tapak warisan budaya seperti Batu Bersurat, Makam Tok Gajah,



TASIK Kenyir diisytiharkan sebagai Geopark Kebangsaan dengan nama Kenyir Geopark.

Kampung Tradisi serta 10 lokasi biotapak antaranya Gua Bewah, Gua Taat, Sungai Lawit, Taman Orkid, Gunung Gagau dan Santuari Gajah.

Penemuan-penemuan penting ini telah menonjolkan lagi potensi Gua Bewah sebagai tapak geo arkeologi terkemuka di

negara ini. Penemuan kerangka Bewah Man yang dianggarkan berusia 16,000 tahun dan fosil marin, *Shikamaia Sp.* (kerang gergasi) yang dianggarkan berusia 250 juta tahun di sekitar dinding gua berkenaan juga menjadi tarikan pelancongan di kawasan itu.